



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN



LAPORAN TAHUNAN 2020



ISI KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| PENTADBIRAN DAN KEWANGAN | 7 |
| Pentadbiran dan Sumber Manusia | 8 |
| Kewangan | 20 |
| Pencapaian KPI 2020 Urusan Pentadbiran dan Kewangan | 22 |
| | |
| PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN | 25 |
| Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) | 26 |
| Laporan Term of Reference (TOR) | 28 |
| Penguatkuasaan dan Pemantauan POST EIA | 29 |
| Input Pembangunan | 32 |
| Kebenaran Bertulis dan Notifikasi | 35 |
| | |
| AKTIVITI PENGUATKUASAAN | 39 |
| Kawalan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) | 40 |
| Kawalan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) | 43 |
| Penguatkuasaan ke atas Punca Bergerak | 45 |
| Aduan | 50 |
| Tindakan Kompaun / Mahkamah | 52 |
| | |
| PENDIDIKAN DAN KESEDARAN | 55 |
| Ceramah dan Pameran Alam Sekitar | 57 |
| Sambutan Hari Bumi | 58 |
| Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia | 59 |
| Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia | 62 |
| Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) | 63 |
| Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) | 66 |

SENARAI JADUAL

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

| | |
|--|-----------|
| Jadual 1.1: Pengisian Perjawatan di JAS Negeri Sembilan Waran Perjawatan Bil. K 18 | |
| Tahun 2020 | 10 |
| Jadual 1.2: Pengisian Perjawatan di Cawangan Kuala Pilah Waran Perjawatan Bil. K 18 | |
| Tahun 2020 | 11 |
| Jadual 1.3: Kedudukan Jawatan di JAS Negeri Sembilan | 12 |
| Jadual 1.4: Kedudukan Jawatan di Cawangan Kuala Pilah | 15 |
| Jadual 1.5: Senarai Pertukaran Pegawai dan Kakitangan JAS Negeri Sembilan Sepanjang | |
| Tahun 2020 | 16 |
| Jadual 1.6: Kehadiran Kursus Pegawai JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 19 |
| Jadual 1.7: Jumlah Peruntukan JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 20 |
| Jadual 1.8: Pecahan Peruntukan JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 20 |
| Jadual 1.9: Kutipan Hasil JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 21 |
| Jadual 1.10: Pencapaian Urusan Pentadbiran JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 22 |
| Jadual 1.11: Pencapaian Urusan Perkhidmatan JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 22 |
| Jadual 1.12: Pencapaian Pengurusan Aset Alih, Aset Tetap dan Stor JAS Negeri Sembilan | |
| Bagi Tahun 2020 | 23 |
| Jadual 1.13: Pencapaian Pengurusan Kewangan JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 23 |

PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN

| | |
|--|-----------|
| Jadual 2.1: Bilangan Sasaran dan Pencapaian Penguatkuasaan / Pemantauan Post EIA | 29 |
| Jadual 2.2: Status Permohonan Perisytiharan Bertulis yang Diterima oleh JAS | |
| Negeri Sembilan | 28 |

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

| | |
|---|-----------|
| Jadual 3.1: Jumlah Lesen PYDT BT Mengikut Jenis Lesen | 41 |
| Jadual 3.2: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Asap Kenderaan Hitam | |
| Kenderaan Diesel | 45 |
| Jadual 3.3: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol | 46 |
| Jadual 3.4: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising dari Motosikal | 47 |
| Jadual 3.5: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Gas dari Motosikal | 47 |
| Jadual 3.6: Pencapaian Lain-lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor | 48 |
| Jadual 3.7: Pecahan Aduan Pencemaran Diterima oleh JAS Negeri Sembilan | 50 |
| Jadual 3.8: Tindakan ke atas Kes Aduan oleh JAS Negeri Sembilan | 51 |

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

| | |
|---|-----------|
| Jadual 4.1: Sekolah yang Telah Mendaftar Penyertaan SLAAS Sesi 2020/2021 | 64 |
|---|-----------|

SENARAI RAJAH

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

| | |
|--|----------|
| Rajah 1.1: Carta Organisasi JAS Negeri Sembilan | 9 |
|--|----------|

PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN

| | |
|--|-----------|
| Rajah 2.1: Bilangan Laporan EIA Mengikut Jenis Aktiviti | 27 |
|--|-----------|

| | |
|--|-----------|
| Rajah 2.2: Status Keputusan Laporan EIA | 27 |
|--|-----------|

| | |
|--|-----------|
| Rajah 2.3: Bilangan Laporan TOR yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti | 28 |
|--|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 2.4: Status Pengesahan Laporan TOR | 29 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 2.5: Status Pematuhan Aktiviti Kerja Tanah | 30 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 2.6: Tindakan yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kerja Tanah | 31 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 2.7: Status Pematuhan Aktiviti Kuari | 31 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 2.8: Tindakan yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kuari | 32 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 2.9: Pecahan Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Daerah yang Diterima oleh JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 33 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 2.10: Pecahan Permohonan Lesen Perniagaan Mengikut Daerah yang Diterima oleh JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 33 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 2.11: Status Permohonan Cadangan Pembangunan yang Diterima oleh JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020..... | 34 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 2.12: Jumlah Permohonan Kebenaran Bertulis dan Notifikasi yang Diterima oleh JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020 | 35 |
|---|-----------|

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

| | |
|---|-----------|
| Rajah 3.1: Jumlah Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Mengikut Jenis Lesen Bagi Tahun 2020 | 42 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 3.2: Peratus Pematuhan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Bagi Tahun 2020 | 42 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 3.3: Bilangan Premis dan Bilangan Pemeriksaan ke atas Premis PYBDT Mengikut Suku Tahun | 43 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 3.4: Bilangan Tawaran Kompaun Mengikut Peraturan dan Seksyen Kesalahan | 52 |
|---|-----------|

| | |
|---|-----------|
| Rajah 3.5: Bilangan Kertas Siasatan yang Dibuka Mengikut Seksyen dan Peraturan | 53 |
|---|-----------|

SENARAI GAMBAR

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

- Gambar 3.1: Gambar-gambar Aktiviti Penguatkuasaan 44**
- Gambar 3.2: Gambar-gambar Aktiviti Penguatkuasaan ke atas Punca Bergerak 49**

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

- Gambar 4.1: Antara Aktiviti Ceramah dan Pameran Alam Sekitar yang Dijalankan
Sepanjang Tahun 2020 57**
- Gambar 4.2: Gambar Sekitar Mesyuarat Penyelarasan Sempena Program Sambutan
Hari Bumi Peringkat Negeri Sembilan 58**
- Gambar 4.3: Gambar Sekitar Gimik Perasmian Hari Alam Sekitar Sedunia 2020
Peringkat Negeri Sembilan 60**
- Gambar 4.4: Gambar Sekitar Gimik Pelancaran Hari Alam Sekitar Sedunia 2020
Peringkat Negeri Sembilan 60**
- Gambar 4.5: Gambar Sekitar Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2020
Peringkat Negeri Sembilan 2020..... 61**
- Gambar 4.6: Gambar Sekitar Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia 2020
Peringkat Negeri Sembilan 62**
- Gambar 4.7: Gambar Sekitar Program Penanda Aras SLAAS 65**
- Gambar 4.8: Gambar Sekitar Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2020
Peringkat Negeri Sembilan 67**

DARI MEJA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji bagi Allah S.W.T. Alhamdulillah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan Bagi Tahun 2020.



Tahun 2020 menjadi tahun yang mencabar kerana negara dan dunia mendepani wabak Covid-19. Jabatan ini tidak terkecuali berhadapan dengan cabaran bagi menjalankan tugas dalam bidang kuasa Jabatan semasa pandemik. Walaupun berdepan dengan wabak COVID-19, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan tetap turun ke padang bagi mengekang masalah pencemaran serta program-program kesedaran tetap dilaksanakan bagi memberi impak positif yang berkekalan untuk alam sekitar mengikut Standard Operasi Prosedur yang telah ditetapkan.

Krisis pandemik Covid-19 memberi impak baru kepada alam sekitar. Antaranya penurunan kadar pencemaran udara dari kalangan orang awam dan peningkatan kebersihan sungai dan pantai akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang dijalankan. Namun, masih terdapat beberapa insiden pencemaran yang terjadi pada Tahun 2020. Sebagai contoh kes pembuangan minyak dan sisa berbahaya secara haram ke sungai dan pantai serta kecuaiian yang menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar. Alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Dalam memacu ke arah pembangunan mampan, alam sekitar adalah antara agenda utama yang perlu dititikberatkan selain daripada aspek ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian, saya menyarankan agar semua pihak mengambil perhatian serta memberi sokongan padu dalam menjaga kelestarian alam sekitar serta bersama-sama membanteras penjenayah alam sekitar.

Akhir kata, diucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dan semua jabatan/agensi kerajaan mahupun swasta, dan pertubuhan badan sukarela bukan kerajaan (NGOs), yang telah memberikan komitmen dan kerjasama erat dalam memastikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya dapat dikuatkuasa bagi mewariskan alam sekitar yang bersih dan selamat untuk generasi akan datang.

HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- *Pentadbiran dan Sumber Manusia*
- *Kewangan*
- *Pencapaian KPI 2020 Urusan Pentadbiran dan Kewangan*

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Fungsi Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Bahagian Pentadbiran, Perkhidmatan dan Kewangan adalah bahagian khidmat sokongan yang menguruskan segala urusan berkaitan Pentadbiran Am, Perkhidmatan / Sumber Manusia dan Kewangan.

Pentadbiran dan Sumber manusia


Struktur organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan diketuai oleh Pengarah selaku Ketua Jabatan. Jabatan ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian dan satu (1) cawangan iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi I, Bahagian Operasi II dan JAS Negeri Sembilan Cawangan Kuala Pilah.

Setiap Bahagian diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Gred C52 dan C48 manakala Bahagian Pentadbiran dan Kewangan diterajui oleh Penolong Pegawai Tadbir Gred N32.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Cawangan Kuala Pilah pula diketuai oleh Pegawai Kawalan Kanan Alam Sekitar Gred C44 yang bertindak sebagai Ketua Cawangan.

Rajah 1.1 di bawah menunjukkan Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan termasuk JAS Cawangan Kuala Pilah bagi tahun 2020.

CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN 14 DISEMBER 2020



Pengisian jawatan

**Jadual 1.1: Pengisian Perjawatan di JAS Negeri Sembilan
Waran Perjawatan Bil. K 18 Tahun 2020**

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | BIL. PERJAWATAN DILULUSKAN | ISI | KOSONG |
|-----|---|---|----------------------------|-----|--------|
| 1 | Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C54 | 1 | 1 | - |
| 2 | Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C48/C52 | 1 | 1 | - |
| 3 | Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C48 | 2 | 2 | - |
| 4 | Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C44 | 2 | 2 | - |
| 5 | Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C41/C44 | 6 | 6 | - |
| 6 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C38 | 1 | 1 | - |
| 7 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera / Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar | JA36/JA38/ C32/C38 | 1 | 1 | - |
| 8 | Penolong Akauntan, Khas untuk Penyandang, Jawatan Hakiki Pembantu Akauntan Gred W19 | W29 | 1 | 1 | - |
| 9 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera (TBK1 dan TBK2) / Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK1 dan TBK2) | JA29/30/ JA36/ JA38/C29/ C32/C38 | 2 | 2 | - |
| 10 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK2) | C32/C38 | 2 | 2 | - |
| 11 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK1 dan TBK2) | C29/C32/ C38 | 11 | 8 | 3 |
| 12 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera (TBK1 dan TBK2) | JA29/30/ JA36/JA38 | 12 | 11 | 1 |
| 13 | Penolong Pegawai Tadbir (TBK2) | N32 | 1 | 1 | - |
| 14 | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (TBK1 dan TBK2) | FA29/ FA32/ FA36 | 1 | 1 | - |

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | BIL. PERJAWATAN DILULUSKAN | ISI | KOSONG |
|---------------|---|---------------------|----------------------------|-----------|----------|
| 15 | Pembantu Khas Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat | N19/N22/ N29/N30 | 1 | 1 | - |
| 16 | Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) (TBK1 dan TBK2) | N19/N22/ N26 | 5 | 4 | 1 |
| 17 | Pembantu Akauntan (TBK1 dan TBK2) | W19/W22/ W26 | 1 | 1 | - |
| 18 | Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) (TBK1 dan TBK2) Khas untuk Penyandang | N19/N22/ N26 | 0 | 0 | - |
| 19 | Pembantu Operasi (TBK1 dan TBK2) | N11/N14/ N16 | 1 | 0 | 1 |
| 20 | Pemandu Kenderaan (TBK1 dan TBK2) | H11/H14/ H16 | 5 | 3 | 2 |
| JUMLAH | | | 57 | 49 | 8 |

**Jadual 1.2: Pengisian Perjawatan di Cawangan Kuala Pilah
Waran Perjawatan Bil. K 18 Tahun 2020**

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | BIL. PERJAWATAN DILULUSKAN | ISI | KOSONG |
|---------------|---|---------------------------|----------------------------|----------|----------|
| 1 | Pegawai Kawalan Alam Sekitar | C44 | 1 | 1 | - |
| 2 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK2) | C32/C38 | 1 | 1 | - |
| 3 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK1 dan TBK2) | C29/C32/ C38 | 3 | 3 | - |
| 4 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera (TBK1 dan TBK2) | JA29/30/ JA36/ JA38 | 3 | 2 | 1 |
| 5 | Pemandu Kenderaan (TBK1 dan TBK2) | H11/H14/ H16 | 1 | 1 | - |
| JUMLAH | | | 9 | 8 | 1 |

Kedudukan jawatan

Jadual 1.3: Kedudukan Jawatan di JAS Negeri Sembilan

| BIL | SENARAI JAWATAN | BIL JAWATAN | | | NAMA PEGAWAI |
|-----|--|-------------|-----|--------|---|
| | | LULUS | ISI | KOSONG | |
| 1 | Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C54 | 1 | 1 | - | 1. Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon |
| 2 | Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C48/C52 | 1 | 1 | - | 1. Sharifah Zakiah binti Syed Sahab |
| 3 | Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C48 | 2 | 2 | - | 1. Sivanathiran a/l Subramaniam 2. Shazly bin Ab Rahim |
| 4 | Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44 | 2 | 2 | - | 1. Mohd Adli Rashid bin Abdullah 2. Siti Hajar binti Hussain |
| 5 | Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41/C44 | 6 | 5 | 1 | 1. Rosla binti Zamzuri 2. Nurhuda binti Salam (CTG) 3. Abdul Razak bin Yassin 4. Norhafidah binti Abu 5. Muhammad Fitri bin Soroni 6. Azri Muzani bin Azizun |
| 6 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38 | 1 | 1 | - | 1. Nosora binti Mohd Jadi |
| 7 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera / Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32 (TBK2) | 1 | 1 | - | 1. Nur Haily binti Ramli |
| 8 | Penolong Akauntan, Khas untuk Penyandang, Jawatan Hakiki Pembantu Akauntan Gred W19 (TBK 1 & TBK2) Gred W29 | 1 | 1 | - | 1. Nur Hidayah binti Jamil |

| | SENARAI JAWATAN | BIL JAWATAN | | | NAMA PEGAWAI |
|----|---|-------------|-----|--------|---|
| | | LULUS | ISI | KOSONG | |
| 9 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera Gred JA29/30 (TBK1 & TBK2) / Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C29 (TBK1 & TBK2) Gred JA29 | 2 | 2 | - | 1. Siti Eshah binti Idris 2. Nor'izzah binti Sutires |
| 10 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK2) Gred C32 | 2 | 2 | - | 1. Abdul Razak bin Ismail 2. Hafizah binti Hamdan |
| 11 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK1 & TBK2) Gred C29 | 11 | 8 | 3 | 1. Nurul Hakimi bin Mat Bakiri @ Adnan 2. Ismail bin Ja'afar 3. Haslinda binti Mohd Amin 4. Muhammad Zulkifli bin Othman 5. Junaidah binti Hussin 6. Mohd Azwar bin Zakariya 7. Noor Aini Binti Mohd Nor 8. J. Nisah binti Jalani 9. Kosong 10. Kosong 11. Kosong |
| 12 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera (TBK1 & TBK2) Gred JA29 | 12 | 11 | 1 | 1. Zainirul Ailis binti Mustafa 2. Mohd Zaimi bin Ismail 3. Mohd Redzuan bin Mohamad Ghazali 4. Aspalela binti Mohammad Hussin 5. Roszuana binti Kamarolzaman 6. Siti Ishaah binti Ahmad Udin 7. Sazaly bin Mohd Amir 8. Nurfauhana Jannah binti Kasman |

| BIL | SENARAI JAWATAN | BIL JAWATAN | | | NAMA PEGAWAI |
|-----|--|-------------|-----|--------|---|
| | | LULUS | ISI | KOSONG | |
| | | | | | 9. Shahnur Fathiah binti Abd Karim 10. Nur Fatin binti Mohamed Sidek 11. Erma Zairani binti Jailani 12. Kosong |
| 13 | Penolong Pegawai Tadbir (TBK2) Gred N32 | 1 | 1 | - | 1. Noor Zaiimah binti Ahmad |
| 14 | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred (TBK1 & TBK2) Gred FA29 | 1 | 1 | - | 1. Aidasulyawati binti Ramlle |
| 15 | Pembantu Khas Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat Gred N19 | 1 | 1 | - | 1. Nurul Hani binti Ma'amor |
| 16 | Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) TBK1 & TBK2 Gred N19 | 5 | 4 | 1 | 1. Nor Azilawati binti Zakaria 2. Mogana a/p Annamalay 3. Nor Haslinda binti Mohd Nowawi 4. Adibah Hanim binti Jamaluddin 5. Kosong |
| 17 | Pembantu Akauntan (TBK1 & TBK2) Gred W19 | 1 | 1 | - | 1. Norashikin binti Ramli |
| 18 | Pembantu Operasi (TBK1 & TBK2) Gred N11 | 1 | 0 | 1 | 1. Kosong |
| 19 | Pemandu Kenderaan (TBK1 & TBK2) Gred H11 | 5 | 3 | 2 | 1. Nadasan a/l Rajagusah 2. Irwan bin Djumalis 3. Mohd Azrin bin Mohd Azhari 4. Kosong 5. Kosong |

Jadual 1.4: Kedudukan Jawatan di Cawangan Kuala Pilah

| BIL | SENARAI JAWATAN | BIL JAWATAN | | | NAMA PEGAWAI |
|-----|---|-------------|-----|--------|--|
| | | LULUS | ISI | KOSONG | |
| 1 | Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44 | 1 | 1 | - | 1. Azlina binti Othman |
| 2 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK2) Gred C32 | 1 | 1 | - | 1. Hisham bin Busin |
| 3 | Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (TBK1 & TBK2) Gred C29 | 3 | 3 | - | 1. Abdullah bin Mustafa 2. Muhammad Arrazi bin Mohamed Jamil 3. Nur Aimi binti Jalil |
| 4 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera (TBK1 & TBK2) Gred JA29 | 3 | 2 | 1 | 1. Mohd Yusri bin Mohd Yusoff 2. Umi Shafikah binti Mahadi 3. Kosong |
| 5 | Pemandu Kenderaan (TBK1 & TBK2) Gred H11 | 1 | 1 | - | 1. Mazlan bin Zakaria |

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, sebanyak 57 dari 66 jawatan telah diisi. Jawatan yang masih belum diisi adalah:

1. Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C29 (3 kosong);
2. Penolong Jurutera Gred JA29 (2 kosong);
3. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (1 kosong);
4. Pembantu Operasi Gred N11 (1 kosong); dan
5. Pemandu Kenderaan Gred H11 (2 kosong).

Pegawai bersara / berpindah

Bagi tahun 2020, seorang pegawai telah bersara pilihan iaitu Puan Kalsom binti Ismail. Di samping itu juga, terdapat beberapa pertukaran pegawai dan kakitangan sepertimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.5** di bawah.

**Jadual 1.5: Senarai Pertukaran Pegawai dan Kakitangan
JAS Negeri Sembilan Sepanjang Tahun 2020**

| BIL | NAMA | JAWATAN | TARIKH | CATATAN PERTUKARAN |
|-----|---------------------------------|---------|------------|---|
| 1 | Azlin binti Ahmad | C29 | 13.01.2020 | Bertukar ke JAS Ibu Pejabat |
| 2 | Mohd Khairi bin Azizan | C29 | 13.01.2020 | Bertukar ke JAS Ibu Pejabat |
| 3 | Junaidah binti Hussin | C32 | 13.01.2020 | Bertukar dari JAS Johor |
| 4 | Muhamad Zulkifli bin Othman | C32 | 13.01.2020 | Bertukar dari JAS Johor |
| 5 | Haslinda binti Mohd Amin | C32 | 13.01.2020 | Bertukar dari JAS Cawangan Kuala Pilah |
| 6 | Zaimastura binti Ibrahim | C44 | 23.03.2020 | Bertukar ke JAS Ibu Pejabat |
| 7 | Mohd Shahrul Faizi bin Sukhaimi | C29 | 23.03.2020 | Bertukar ke JAS Selangor |
| 8 | Norhafidah binti Abu | C41 | 23.03.2020 | Bertukar dari JAS Perak |
| 9 | Zazuraini binti Zolzaini | C29 | 03.06.2020 | Bertukar ke JAS Ibu Pejabat (Menerima tawaran jawatan gred C41) |
| 10 | Kalsom binti Ismail | N19 | 01.08.2020 | Bersara pilihan |
| 11 | M. Yazir bin Mohd Rashid | C32 | 14.09.2020 | Bertukar ke Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Putrajaya |
| 12 | Noor Zaiimah binti Ahmad | N32 | 21.09.2020 | Bertukar dari Kementerian Pelajaran Malaysia |

| BIL | NAMA | JAWATAN | TARIKH | CATATAN PERTUKARAN |
|-----|----------------------------------|---------|------------|---|
| 13 | Abd Halim bin Abd Ghani | JA29 | 01.10.2020 | Bertukar ke Mahkamah Negeri Sembilan |
| 14 | Siti Eshah binti Idris | JA29 | 01.10.2020 | Bertukar dari Jabatan Kerja Raya Port Dickson |
| 15 | Sharifah Zakiah binti Syed Sahab | C52 | 02.11.2020 | Bertukar ke JAS Pulau Pinang (Kenaikan pangkat ke gred C54) |
| 16 | Norlina binti Ibrahim | JA29 | 16.11.2020 | Bertukar dari Jabatan Kerja Raya Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Sembilan |
| 17 | Siti Eshah binti Idris | JA29 | 16.11.2020 | Bertukar ke Politeknik Port Dickson |
| 18 | Mohd Azizi bin Mohd Jali | JA29 | 08.12.2020 | Bertukar dari Agensi Nuklear Malaysia |
| 19 | Ahmad Saifful bin Salihin | C52 | 14.12.2020 | Bertukar dari JAS Sarawak |

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020

Bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2020, seramai lima (5) orang pegawai dan kakitangan JAS Negeri Sembilan telah dipilih untuk menerima anugerah ini. Berikut adalah pegawai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2020:



**Siti Hajar binti
Hussain**
Pegawai Kawalan Kanan
Alam Sekitar, C44




**Norhafidah binti
Abu**
Pegawai Kawalan Alam
Sekitar, C41



Nur Haily binti Ramli
Penolong Pegawai
Kawalan Kanan Alam
Sekitar, C32



**Mohd Yusri bin Mohd
Yusoff**
Penolong Jurutera, JA29



**Aidasulyawati binti
Ramlle**
Penolong Pegawai
Teknologi Maklumat,
FA29

Program Pembangunan Sumber Manusia

Bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sumber manusia, pegawai dan kakitangan telah dihantar menghadiri kursus, seminar dan bengkel. Pada tahun 2020, JAS Negeri Sembilan mencapai 100% kehadiran bagi jumlah tujuh (7) hari berkursus. Jadual di bawah menunjukkan kehadiran kursus pegawai JAS Negeri Sembilan bagi tahun 2020.

| SKIM PERKHIDMATAN | BILANGAN PEGAWAI | JUMLAH HARI BERKURSUS | | CATATAN |
|---------------------------|------------------|-----------------------|---------|---------------------|
| | | < 7 hari | >7 hari | |
| Pengurusan & Profesional | 13 | 0 | 13 | 1 – Cuti Tanpa Gaji |
| Sokongan I (Gred 17 – 40) | 39 | 0 | 39 | |
| Sokongan II (Gred 1 – 16) | 3 | 0 | 3 | |
| JUMLAH | | 0 | 55 | |
| PERATUSAN (%) | | 0 | 100 | |

Jadual 1.6: Kehadiran Kursus Pegawai JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020

Kewangan

Peruntukan JAS Negeri Sembilan

Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi belanja mengurus dan pembangunan JAS Negeri Sembilan adalah seperti berikut:

| JENIS PERUNTUKAN TAHUN 2020 | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) |
|-----------------------------|-----------------|-------------------|
| Mengurus | 3,446,468.54 | 3,446,460.89 |
| Pembangunan | 2,000.00 | 2,000.00 |

Jadual 1.7: Jumlah Peruntukan JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020

| BIL | PECAHAN OBJEK | PERUNTUKAN 2020 (RM) | PERBELANJAAN 2020 (RM) | PERBELANJAAN 2020 (%) |
|-----|-----------------------------------|----------------------|------------------------|-----------------------|
| 1. | 11000: Gaji | 1,638,460.10 | 1,638,460.10 | 100 |
| 2. | 12000: Elaun | 396,600.55 | 396,600.55 | 100 |
| 3. | 13000: Sumbangan Berkanun | 11,291.00 | 11,291.00 | 100 |
| 4. | 14000: OT | 125,937.69 | 125,937.69 | 100 |
| 5. | 15000: Faedah Kew Lain | 28,500.00 | 28,500.00 | 100 |
| 6. | 17000: Bayaran Imbuhan | 28,500.00 | 28,500.00 | 100 |
| 7. | 21000: TnT | 56,538.65 | 56,538.65 | 100 |
| 8. | 22000: Pengangkutan barang-barang | 2,652.00 | 2,652.00 | 100 |
| 9. | 23000: Perhubungan & Kualiti | 130,129.46 | 130,129.46 | 100 |
| 10. | 24000: Sewaan | 602,197.20 | 602,190.40 | 99.9 |
| 11. | 25000: Bahan Makanan & Minuman | 1,000.00 | 1,000.00 | 100 |

| BIL | PECAHAN OBJEK | PERUNTUKAN 2020 (RM) | PERBELANJAAN 2020 (RM) | PERBELANJAAN 2020 (%) |
|-----|---|----------------------------|------------------------------|-----------------------------|
| 12. | 26000: Petrol/Bahan Mentah | 33,946.59 | 33,946.59 | 100 |
| 13. | 27000: Bekalan & Bahan-Bahan Lain | 36,446.30 | 36,446.30 | 100 |
| 13. | 28000: Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | 140,321.94 | 140,321.94 | 100 |
| 14. | 29000: Perkhidmatan | 8,955.00 | 8,954.15 | 99.9 |
| 15. | 42000: Pemberian Dalam Negeri/HASN | 17,000.00 | 17,000.00 | 100 |
| 16. | 070200: Pembangunan (GIS) | 2,000.00 | 2,000.00 | 100 |

**Jadual 1.8: Pecahan Peruntukan JAS Negeri Sembilan
Bagi Tahun 2020**

Kutipan Hasil

| BIL | BUTIRAN KUTIPAN | KOD HASIL | HASIL KUTIPAN 2020 (RM) |
|-----------------------------|----------------------------------|-----------|----------------------------|
| 1. | Lesen Pencemaran Alam Sekitar | H01 71408 | 118,962.55 |
| 2. | Jualan Harta Benda Kerajaan | H02 73301 | 103.00 |
| 3. | Pelbagai Bayaran Hukuman | H01 76199 | 519,460.00 |
| 4. | Pelbagai Jualan | H02 82499 | 145.25 |
| 5. | Elaun Tetap yang Lain | H01 12199 | 448.48 |
| 6. | Jualan Barang Cetak yang Lain | H02 73199 | 2,015.00 |
| JUMLAH KUTIPAN HASIL | | | 641,134.28 |

**Jadual 1.9: Kutipan Hasil JAS Negeri Sembilan
Bagi Tahun 2020**

Pencapaian KPI 2020 Urusan Pentadbiran dan Kewangan

A. Urusan Pentadbiran

| BIL | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | SASARAN | PENCAPAIAN |
|-----|--|--------------------------------|------------|
| 1 | Laporan Program Pengukuhan Integriti (Baru) | Setiap Bulan | 100% |
| 2 | Laporan CRM dan PIO | 2 Kali Setahun (Jan dan Julai) | 100% |
| 3 | Laporan Surat Tunjuk Sebab dan Tatatertib | Setiap Suku Tahun | 100% |
| 4 | Laporan Pemantauan Waktu Bekerja | Setiap 4 Bulan | 100% |
| 5 | Laporan Penglibatan Pegawai Dalam Perniagaan Atas Talian | Setiap Suku Tahun | 100% |
| 6 | Laporan Penglibatan Pegawai Terlibat Dengan Politik | Disember Setiap Tahun | 100% |

Jadual 1.10: Pencapaian Urusan Pentadbiran JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020

B. Urusan Perkhidmatan

| BIL | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | SASARAN | PENCAPAIAN |
|-----|---------------------------|-----------------------------|------------|
| 1 | Laporan Perjawatan | Minggu Pertama Setiap Bulan | 100% |
| 2 | Laporan Kad Perakam Waktu | Minggu Pertama Setiap Bulan | 100% |

Jadual 1.11: Pencapaian Urusan Perkhidmatan JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020

C. Pengurusan Aset Alih, Aset Tetap dan Stor

| BIL | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | SASARAN | PENCAPAIAN |
|-----|---|-----------------------------|------------|
| 1 | Laporan JKPAK, JKPAK Fasilitas dan Aset Tak Ketara | Setiap Suku Tahun | 100% |
| 2 | Mesyuarat JKPAK | Setiap Suku Tahun | 100% |
| 3 | Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Alih, Aset Tetap dan Stor | Sebelum 15 Jan Setiap Tahun | 100% |
| 4 | Laporan Cerakinan Bahan Api | Minggu Pertama Setiap Bulan | 100% |

Jadual 1.12: Pencapaian Pengurusan Aset Alih, Aset Tetap dan Stor JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020

D. Pengurusan Kewangan

| BIL | PETUNJUK PRESTASI UTAMA | SASARAN | PENCAPAIAN |
|-----|--|--|------------|
| 1 | Laporan JPKA | Setiap Suku Tahun | 100% |
| 2 | Mesyuarat JPKA | Setiap Suku Tahun | 100% |
| 3 | Laporan Kira-Kira Wang Tunai (KKWT) | 8hb Setiap Bulan | 100% |
| 4 | Laporan Belanja Mengurus | 1hb Setiap Bulan | 100% |
| 5 | Laporan Pembayaran Bil 14 Hari | 1hb dan 15hb Setiap Bulan | 100% |
| 6 | Penyata Penyesuaian Hasil, Amanah dan Mengurus | 7 Hari Daripada Tarikh Buletin eSPKB | 100% |
| 7 | Penyata Perubahan Gaji (SG 20) | Sebelum 13hb (Mengikut Tarikh Ditetapkan AG) | 100% |
| 8 | Bayaran Kepada Pembekal | 14 Hari Daripada Tarikh Kunci Masuk Pembekal Dalam Sistem eP | 100% |

Jadual 1.13: Pencapaian Pengurusan Kewangan JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020



**KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR**
Ministry of Environment and Water





PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN

- *Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA)*
- *Laporan Term of Reference (TOR)*
- *Penguatkuasaan dan Pemantauan Post EIA*
- *Input Pembangunan*
- *Kebenaran Bertulis dan Notifikasi*

Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA)

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling atau *Environmental Impact Assessment* (EIA) khusus untuk mengurangkan masalah alam sekitar yang wujud daripada pelaksanaan aktiviti pembangunan dan merupakan satu alat perancangan penting dalam pengurusan pembangunan alam sekitar.


Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) menghendaki sesuatu cadangan projek mengemukakan langkah-langkah kawalan pencemaran sebelum projek berkenaan dilaksanakan dengan memastikan kajian semua aspek kawalan pencemaran dan hakisan dikenalpasti, diteliti, dikaji dengan mengemukakan data kajian mengenai kesan-kesan kepada alam sekeliling.

Keperluan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) ini hendaklah mengemukakan satu laporan kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling untuk kelulusan sesuatu projek dijalankan bertujuan memastikan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah menetapkan bahawa sesiapa yang bermaksud hendak menjalankan sesuatu aktiviti yang ditetapkan di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 dipatuhi oleh penggerak projek.

JAS Negeri Sembilan menerima sebanyak dua belas (12) laporan EIA dan lapan (8) laporan TOR pada tahun 2020.


Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)

Laporan EIA yang diterima adalah berkaitan dengan aktiviti Estet Industri (1), pembangunan di kawasan pantai (1), Aktiviti 14, PYDT (2), Aktiviti 19, Kuari (1) dan EIA Pentadbiran (1). Pecahan laporan EIA yang diterima dan diproses mengikut aktiviti di Negeri Sembilan bagi tahun 2020 adalah seperti dalam **Rajah 2.1** di bawah:



Rajah 2.1: Bilangan Laporan EIA yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti

Daripada jumlah dua belas (12) laporan EIA yang telah diterima, sebanyak empat (4) laporan EIA diluluskan iaitu 33.33%, empat (4) laporan EIA ditolak iaitu 33.33% dan empat (4) laporan EIA ditarik semula oleh pihak pemaju, 33.33%. Pecahan keputusan laporan EIA yang diterima ditunjukkan dalam **Rajah 2.2** berikut:




**Rajah 2.2:
Status Keputusan Laporan EIA**

Asas-asas penolakan secara umum bagi kes-kes laporan EIA yang ditolak adalah seperti berikut:

- Laporan EIA yang dikemukakan masih belum memenuhi keperluan peruntukan di bawah Seksyen 34A (4) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
- Laporan EIA yang dikemukakan masih belum memenuhi keperluan peruntukan di bawah Seksyen 34A (2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.


Laporan Term of Reference (TOR)

Pada tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses lapan (8) laporan TOR. Laporan TOR yang diterima adalah berkaitan aktiviti kitar semula plastik (1), kuari (1), perumahan (1), PYDT BT (3), Estet Perindustrian (1) dan perumahan (1). Pecahan mengikut jenis aktiviti seperti ditunjukkan dalam **Rajah 2.3** di bawah:



Rajah 2.3: Bilangan Laporan TOR yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti

Jumlah keseluruhan laporan TOR yang diterima adalah sebanyak lapan (8) laporan. Laporan TOR yang disahkan adalah sebanyak lima (5) laporan (62.5%), laporan TOR tidak disahkan adalah sebanyak tiga (3) laporan (37.5%). Tiada laporan TOR yang ditarik semula oleh pihak pemaju pada tahun 2020. Pecahan pengesahan laporan TOR yang diterima ditunjukkan dalam **Rajah 2.4** berikut:



Rajah 2.4: Status Pengesahan Laporan TOR

Penguatkuasaan dan Pemantauan Post EIA

Penguatkuasaan dan pemantauan Post EIA adalah program tahunan merujuk kepada syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang telah diluluskan. Berikut adalah jadual mengikut bilangan punca keseluruhan dan pencapaian penguatkuasaan serta pemantauan post EIA bagi tahun 2020:

| Penguatkuasaan dan Pemantauan Post EIA | | | |
|---|---------------------|----------------|-------------------|
| Aktiviti | Jumlah punca | Sasaran | Pencapaian |
| Kerja tanah | 19 | 61 | 40 |
| Kuari | 19 | 57 | 32 |

Jadual 2.1: Bilangan Sasaran dan Pencapaian Penguatkuasaan / Pemantauan Post EIA

Kerja tanah

Sepanjang tahun 2020, Unit Post EIA Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan tujuh puluh dua (72) pemeriksaan. Aktiviti kerja tanah yang diperiksa adalah sebanyak sembilan belas (19) aktiviti yang mempunyai syarat-syarat kelulusan laporan EIA. Daripada jumlah empat puluh (40) punca, sebanyak dua puluh lapan (70%) punca didapati patuh kepada syarat-syarat yang EIA yang dikenakan.


Manakala baki dua belas (30%) punca didapati gagal mematuhi sebahagian syarat-syarat kelulusan laporan EIA. Pemeriksaan susulan dari semasa ke semasa dijalankan bagi tujuan verifikasi langkah-langkah penambahbaikan seperti arahan yang diberikan oleh pegawai penyiasat.

Bilangan dan peratus pematuhan aktiviti kerja tanah adalah seperti dalam **Rajah 2.5** berikut:



Rajah 2.5: Status Pematuhan Aktiviti Kerja Tanah


Daripada empat puluh (40) pemeriksaan yang dijalankan pada tahun 2020, sebanyak empat puluh (40) field citation telah dikeluarkan, dua belas (12) Notis Arahan diberikan kepada pemaju dan tiga belas (13) tawaran kompaun dikeluarkan kepada pemaju projek. Terdapat juga dua (2) tindakan mahkamah telah diambil. **Rajah 2.6** menunjukkan tindakan yang dikenakan ke atas aktiviti kerja tanah mengikut jenis tindakan.



Rajah 2.6: Tindakan yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kerja Tanah

Kuari

Bagi aktiviti kuari, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan empat puluh lapan (48) pemeriksaan ke atas sembilan belas (19) premis kuari aktif yang terdapat di Negeri Sembilan. Peratusan ini menunjukkan pematuhan penuh premis kuari terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. **Rajah 2.7** menunjukkan status pematuhan aktiviti kuari.



Rajah 2.7: Status Pematuhan Aktiviti Kuari




Rajah 2.8: Tindakan yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kuari

Rajah 2.8 di atas menunjukkan tindakan yang dikenakan ke atas premis kuari mengikut jenis tindakan. Sebanyak tiga puluh dua (32) pemeriksaan premis kuari telah dijalankan pada tahun 2020, sebanyak tiga puluh dua (32) field citation diberikan, enam (6) Notis Arahan dikeluarkan dan tiga belas (13) kompaun ditawarkan.


Input Pembangunan

Dalam usaha melestarikan alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga berperanan memberi input berhubung pengurusan alam sekitar dan keperluan kawalan pencemaran terhadap cadangan projek pembangunan dalam kawasan Negeri Sembilan. Input pembangunan ini adalah penting bagi melihat kesesuaian cadangan pembangunan yang dikemukakan bagi mengatasi masalah kacau ganggu dan pencemaran kepada penduduk serta alam sekitar sekiranya cadangan pembangunan tersebut dilaksanakan.

Kebiasaannya, permohonan cadangan projek tersebut dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, pihak industri dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta. Permohonan yang diterima dan diproses adalah permohonan Kebenaran Merancang dan Lesen Perniagaan.



Rajah 2.9: Pecahan Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Daerah yang Diterima oleh JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020




Rajah 2.10: Pecahan Permohonan Lesen Perniagaan Mengikut Daerah yang Diterima oleh JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020

Secara keseluruhan, sebanyak empat ratus sebelas (411) permohonan Kebenaran Merancang dan empat ratus enam belas (416) permohonan Lesen Perniagaan telah diterima dan telah diproses oleh JAS Negeri Sembilan.

Daripada jumlah empat ratus sebelas (411) permohonan Kebenaran Merancang yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, sebanyak empat ratus sembilan (409) iaitu 99.5% permohonan disokong. Manakala sebanyak dua (2) permohonan (0.5%) tidak disokong atau ditolak.

Bagi permohonan Lesen Perniagaan pula, sebanyak empat ratus lima belas (415) permohonan (98%) telah disokong dan satu (1) permohonan (2%) ditolak.

Status permohonan Kebenaran Merancang dan Lesen Perniagaan yang diterima oleh JAS Negeri Sembilan pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Rajah 2.11** di bawah:




Rajah 2.11: Status Permohonan Cadangan Pembangunan yang Diterima oleh JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020

Garis panduan Environmental Essentials for Sitting of Industries in Malaysia (EESIM) 2017 bagi menggantikan Guidelines Sitting and Zoning of Industries and Residential Areas (SZIRA) 2012 digunakan oleh JAS Negeri Sembilan bagi memproses permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Lesen Perniagaan (LP) yang dikemukakan. Setiap jenis aktiviti pembangunan industri yang dicadangkan akan diteliti dan dikaji bagi mengenalpasti impak-impak alam sekitar melalui keperluan teknologi, alat kawalan pencemaran dan pengurusan buangan terjadual yang berkesan seterusnya memastikan kesesuaian tapak cadangan pembangunan mematuhi garis panduan EESIM 2017 dan juga SZIRA 2012.

Pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan PLAN Malaysia akan merujuk garis panduan EESIM 2017 dan SZIRA 2012 dalam merancang dan menentukan kawasan pembangunan industri dan penempatan industri yang dicadangkan.

Kebenaran Bertulis dan Notifikasi



Rajah 2.12: Jumlah Permohonan Kebenaran Bertulis dan Notifikasi yang Diterima oleh JAS Negeri Sembilan Bagi Tahun 2020

Nota:

SPEP: Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian

SKPU: Sistem Kawalan Pencemaran Udara

APB: Alat Pembakaran Bahan Api

Kebenaran Bertulis Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (AKAS 1974)

Setiap kenderaan, kapal atau premis sebagai Pembawa atau Premis Yang Ditetapkan (PYDT) sebelum ia boleh dilesenkan di bawah Seksyen 18, AKAS, 1974 dikehendaki mendapat Kebenaran Bertulis daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling terlebih dahulu. Kegagalan mendapat kebenaran bertulis boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang menetapkan larangan terhadap menyebabkan kenderaan, kapal atau premis menjadi pembawa yang ditetapkan atau premis yang ditetapkan.

Premis PYDT yang dilesenkan untuk menjalankan aktiviti pemerolehan kembali, pengangkutan dan pengurusan semua buangan terjadual hendaklah mematuhi Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Sepanjang tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak dua puluh lapan (28) permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, AKAS 1974. Dari dua puluh lapan (28) permohonan yang diterima, sebanyak tiga belas (13) permohonan telah diperaku manakala lima belas (15) permohonan memerlukan maklumat tambahan daripada perunding.

Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009

Premis-premis yang ingin menjalankan kerja-kerja pemasangan baru Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP) dan juga menaiktaraf SPEP sedia ada perlu mengemukakan permohonan Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 bagi memastikan pematuhan sepenuhnya pembuangan efluen perindustrian dari premis terhadap standard pembuangan efluen yang telah ditetapkan. Sepanjang tahun 2020, sebanyak dua puluh lima (25) permohonan Pemberitahuan Bertulis telah diterima oleh JAS Negeri Sembilan. Dari jumlah tersebut, tiga belas (13) permohonan

telah diperaku manakala dua belas (12) permohonan lagi perlu mengemukakan maklumat tambahan.

Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

Premis-premis yang ingin menjalankan pemasangan baru atau penambahbaikan sistem kawalan pencemaran udara dan alat pembakaran bahan api di premis perlu mengemukakan permohonan Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 bagi memastikan pelepasan udara mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan.

Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU)

Sebanyak lima puluh sembilan (59) permohonan Pemberitahuan Bertulis telah diterima oleh JAS Negeri Sembilan bagi pemasangan dan penambahbaikan SKPU pada tahun 2020. Sebanyak lima puluh (50) permohonan telah diperaku manakala sembilan (9) permohonan memerlukan maklumat tambahan daripada pemohon.

Alat Pembakaran Bahan Api (APB)

Sebanyak lapan puluh (80) permohonan Pemberitahuan Bertulis pemasangan dan penambahbaikan APB telah diterima pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, enam puluh lima (65) permohonan telah diperaku manakala lima belas (15) lagi permohonan memerlukan maklumat tambahan.

Perisytiharan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

Selain dari permohonan Pemberitahuan Bertulis, JAS Negeri Sembilan juga menerima permohonan Perisytiharan Bertulis bagi pemasangan atau penambahbaikan SPEP, SKPU dan APB oleh premis melalui perunding yang telah dilantik. Jadual di bawah menunjukkan jumlah permohonan yang telah diterima dan diperaku oleh Jabatan.

| Permohonan Perisytiharan Bertulis | | | |
|-----------------------------------|----------|----------|-------------------|
| | Diterima | Diperaku | Maklumat tambahan |
| SPEP | 14 | 13 | 1 |
| SKPU | 38 | 35 | 3 |
| APB | 34 | 33 | 1 |

Jadual 2.2: Status Permohonan Perisytiharan Bertulis yang Diterima oleh JAS Negeri Sembilan

Satu mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Notifikasi dan Kebenaran Bertulis perlu diadakan sebelum permohonan bagi Kebenaran Bertulis Seksyen 19, AKAS 1974, Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 diluluskan. Satu mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Notifikasi dan Kebenaran Bertulis juga perlu bagi memperakukan permohonan Perisytiharan Bertulis. Sepanjang tahun 2020, sebanyak tujuh (7) bilangan mesyuarat telah diadakan dan telah dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa yang dilantik.

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

- *Kawalan Premis Yang Ditetapkan (PYDT)*
- *Kawalan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)*
- *Penguatkuasaan ke atas Punca Bergerak*
- *Aduan*
- *Tindakan Kompaun / Mahkamah*

Kawalan Premis Yang Ditetapkan (PYDT)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan menjalankan penguatkuasaan terhadap premis di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) iaitu Kilang Getah Asli Mentah, Kilang Kelapa Sawit Mentah dan Premis Pengendali Buangan Terjadual.



Kilang Getah Asli Mentah (KG)

Bagi Kilang Getah Asli Mentah (KG), sebanyak sepuluh (10) buah kilang getah telah dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1978 pada tahun 2020. Sebanyak tiga (3) buah kilang getah yang dilesenkan ini melepaskan effluen yang diolah ke alur air manakala sebuah (1) kilang getah telah dilesenkan untuk pelepasan effluen ke atas tanah. Bagi enam (6) buah lagi kilang mengamalkan kitar semula effluen.

Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS)

Pada tahun 2020, sebanyak enam belas (16) buah KKS telah dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977.

Sebanyak lapan (8) buah kilang yang dilesenkan melepaskan effluen terolah ke dalam alur air manakala sebuah (1) kilang sahaja melepaskan effluen menggunakan kaedah pelepasan ke alur air dan atas tanah. Bagi dua (2) buah kilang kelapa sawit pula telah diluluskan untuk menggunakan kaedah kompos dan pelepasan effluen atas tanah. Manakala lima (5) buah lagi kilang dilesenkan untuk kaedah pelepasan effluen ke atas tanah sahaja.


Premis Pengendali Buangan Terjadual (PYDT BT)

Pada tahun 2020, sejumlah dua puluh lima (25) premis telah dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada premis kemudahan baharu dan sedia ada bertujuan untuk pemerolehan kembali penstoran luar tapak, penunuan, pengolahan atas tapak, tapak pelupusan selamat, pengangkutan dan pelupusan ke atas tanah buangan terjadual.


Jadual 3.1 menunjukkan jumlah lesen PYDT BT mengikut jenis.

| Bil | Jenis Lesen | Jumlah |
|-----|---|--------|
| 1 | Pembawa yang Ditetapkan | 22 |
| 2 | Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak | 17 |
| 3 | Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa (E-waste) | 5 |
| 4 | Kemudahan Pengolahan Luar Tapak (Pensterilan dengan Menggunakan Ozon) | 1 |
| 5 | Kemudahan Pengolahan Luar Tapak Gelombang Mikro (CWTC) | 1 |
| 6 | Penunu Buangan Terjadual Incinerator 1 | 1 |
| 7 | Kemudahan Loji Solidifikasi | 1 |
| 8 | Kemudahan Loji Fizikal dan Kimia (PCT) | 1 |
| 9 | Penunu Buangan Tejadual Schedule waste to Energy (SWTE) | 1 |
| 10 | Tapak Pelupusan Selamat | 1 |
| 11 | Kemudahan Penstoran Luar Tapak | 2 |

Jadual 3.1: Jumlah Lesen PYDT BT Mengikut Jenis Lesen



Rajah 3.1: Jumlah Premis yang Ditetapkan (PYDT) Mengikut Jenis Lesen Bagi Tahun 2020




Rajah 3.2: Peratus Pematuhan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Bagi Tahun 2020


Kawalan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga telah menjalankan penguatkuasaan ke atas Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) sepanjang tahun 2020. Penguatkuasaan ini bagi premis yang menjalankan aktiviti melibatkan industri pembuatan, hotel, loji kumbahan dan bengkel di kawasan Negeri Sembilan Utara (Kawasan Nilai, Sendayan dan Enstek), Negeri Sembilan Barat (Daerah Seremban, Port Dickson dan Rembau) dan Negeri Sembilan Timur (Daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Tampin).

Siasatan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak 901 pemeriksaan melibatkan pelbagai jenis industri. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, tindakan susulan telah diambil terhadap premis seperti dengan mengeluarkan field citation, notis arahan dan juga tindakan kompaun. Premis yang gagal mematuhi AKAS 1974 dan peraturan di bawahnya juga ada yang dikenakan Perintah larangan dan juga tindakan mahkamah atas setiap kesalahan yang dilakukan termasuklah gagal dalam pengurusan buangan terjadual, penyelenggaraan alat kawalan pencemaran udara dan juga bagi pematuhan terhadap efluen perindustrian serta kumbahan.



Rajah 3.3: Bilangan Premis dan Bilangan Pemeriksaan ke atas Premis PYBDT Mengikut Suku Tahun



Gambar 3.1: Gambar-gambar Aktiviti Penguatkuasaan

Penguatkuasaan ke atas Punca Bergerak

Program kawalan pelepasan asap hitam kenderaan diesel

Program penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dilaksanakan oleh Unit Kenderaan Bermotor (UKB). Kenderaan yang menggunakan bahan api diesel hendaklah memastikan tahap pelepasan asap hitam adalah tidak melebihi 50 HSU%.

Jadual 3.2 di bawah menunjukkan bilangan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

| Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel | Pencapaian 2020 |
|---|-----------------|
| Ops Statik | |
| Bilangan operasi | 11 |
| Bilangan kenderaan diperiksa (visual & ditahan untuk ujian meter) | 950 |
| Bilangan kenderaan diuji (ujian meter) | 30 |
| Bilangan kenderaan dikompaun | 11 |
| Bilangan kenderaan patuh | 874 |
| Bilangan kenderaan diarah diuji semula | 65 |
| Bilangan kenderaan dikenakan perintah larangan | 0 |
| Ops Catat dan Kamera Video | |
| Bilangan operasi | 147 |
| Bilangan kenderaan dicatat | 588 |
| Bilangan kenderaan diarah hadir untuk ujian pelepasan asap | 300 |
| Bilangan kehadiran pemeriksaan uji semula di PUSPAKOM | 293 |

Jadual 3.2: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel

Program kawalan pelepasan CO/HC kenderaan petrol

Program penguatkuasaan bagi mengawal tahap pelepasan asap kenderaan menggunakan bahan api petrol juga dilaksanakan oleh Unit Kenderaan Bermotor (UKB) Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan. Tujuan program ini adalah bagi mengawal tahap pelepasan asap kenderaan yang menggunakan bahan api petrol mengikut Peraturan 10, Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pengujian pelepasan asap kenderaan menggunakan bahan api petrol ini diuji dengan memastikan dua (2) jenis gas iaitu karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) tidak melebihi standad yang ditetapkan.

| Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol | Pencapaian 2020 |
|--|-----------------|
| Bilangan operasi | 4 |
| Bilangan kenderaan diuji (ujian meter) | 30 |
| Bilangan kenderaan dikompaun | 0 |
| Bilangan kenderaan patuh | 30 |
| Bilangan kenderaan diarah diuji semula | 0 |
| Bilangan pemeriksaan uji semula oleh JAS | 0 |

Jadual 3.3: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol

Program kawalan pelepasan bunyi bising dari motosikal

Program penguatkuasaan kawalan pelepasan bunyi bising dari motosikal pada tahun 2020 juga telah dilaksanakan oleh Unit Kenderaan Bermotor (UKB) Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. **Jadual 3.4** di bawah menunjukkan bilangan program kawalan pelepasan bunyi bising dari motosikal yang telah dilaksanakan pada tahun 2020.

| Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal | Pencapaian 2020 |
|--|-----------------|
| Bilangan operasi | 6 |
| Bilangan motosikal diperiksa (saringan awal & ditahan untuk ujian meter) | 69 |
| Bilangan motosikal diuji (ujian meter) | 49 |
| Bilangan motosikal dikompaun | 13 |
| Bilangan motosikal patuh | 27 |
| Bilangan motosikal diarah diuji semula | 42 |
| Bilangan pemeriksaan uji semula oleh JAS | 15 |

Jadual 3.4: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising dari Motosikal

Program kawalan pelepasan gas dari motosikal

Program penguatkuasaan ke atas pelepasan gas dari motosikal juga telah dilaksanakan Unit Kenderaan Bermotor (UKB) untuk memastikan pelepasan gas dari motosikal mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Motosikal) 2003, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. **Jadual 3.5** di bawah menunjukkan bilangan program kawalan pelepasan gas dari motosikal yang telah dilaksanakan pada tahun 2020.

| Program Kawalan Pelepasan Gas Dari Motosikal | Pencapaian 2020 |
|--|-----------------|
| Bilangan operasi | 3 |
| Bilangan motosikal diuji (ujian meter) | 2 |
| Bilangan motosikal dikompaun | 0 |
| Bilangan motosikal patuh | 2 |
| Bilangan motosikal diarah diuji semula | 2 |
| Bilangan pemeriksaan uji semula oleh JAS | 2 |

Jadual 3.5: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Gas dari Motosikal

Lain-lain program kawalan kenderaan bermotor

Program-program lain yang dijalankan Unit Kenderaan Bermotor (UKB) adalah pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL), pemeriksaan pengendali berkumpulan (*fleet operator*), penguatkuasaan pengurusan refrigeran dan penguatkuasaan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pemeriksaan asap oleh pengendali berkumpulan secara berkala di Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) oleh Jabatan Alam Sekitar sentiasa dipantau dan direkodkan bagi memastikan kenderaan-kenderaan yang dikendalikan mematuhi standard pelepasan asap yang telah ditetapkan.

Pemeriksaan pengendali berkumpulan (*fleet operator*) merupakan penguatkuasaan dan pemeriksaan terhadap syarikat-syarikat pengendali berkumpulan yang mengendalikan lebih daripada 10 (buah) kenderaan berenjin diesel.

Program penguatkuasaan pengujian refrigeran kenderaan di bengkel-bengkel servis pendingin udara kenderaan dan kenderaan orang awam telah dilaksanakan. Selain itu, Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 juga telah dilaksanakan.

Pencapaian 2020 bagi lain-lain program kawalan kenderaan bermotor adalah seperti dalam **Jadual 3.6** berikut:

| Lain-lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor | Pencapaian 2020 |
|--|-----------------|
| Pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) | 1 |
| Program Pemeriksaan <i>Fleet Operator</i> | 10 |
| Penguatkuasaan Pengurusan Refrigeran | 10 |
| Penguatkuasaan Per.16 | 3 |
| Program Khas | 0 |

Jadual 3.6: Pencapaian Lain-lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor



Gambar 3.2: Gambar-gambar Aktiviti Penguatkuasaan ke atas Punca Bergerak

Aduan

Unit Aduan, Kontigensi & Pembakaran Terbuka JAS Negeri Sembilan telah menerima aduan daripada pelbagai pihak samaada orang awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau daripada agensi kerajaan. Siasatan bagi kes aduan pembakaran terbuka adalah mengikut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Antara lokasi yang sering dikesan melakukan pembakaran terbuka adalah di ladang getah, hutan, belukar, tapak kutipan sisa pepejal, ladang kelapa sawit, tapak pembinaan, ladang getah dan lain-lain.

Pengesanan pembakaran terbuka di kawasan tersebut akan dikesan dan dicerap melalui satelit yang dipantau dan dilaporkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) .

Kategori aduan pencemaran

JAS Negeri Sembilan telah menerima sebanyak tujuh ratus lapan puluh lima (785) aduan pencemaran alam sekitar pada tahun 2020. Pecahan aduan mengikut jenis adalah seperti dalam **Jadual 3.7** di bawah.

| Jenis aduan | Pencapaian 2019 | |
|-------------------|--------------------|-------------------|
| | Dalam Bidang Kuasa | Luar Bidang Kuasa |
| Udara | 601 | 42 |
| Air | 42 | 24 |
| Buangan Terjadual | 9 | 0 |
| Bunyi | 6 | 3 |
| Lain-lain | 18 | 23 |

Jadual 3.7: Pecahan Aduan Pencemaran Diterima oleh JAS Negeri Sembilan

Tindakan ke atas kes aduan

Setiap aduan yang diterima dan disiasat telah dikenakan tindakan kompaun, mengeluarkan notis arahan dan juga mengenakan tindakan mahkamah mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pemantauan dan penguatkuasaan berterusan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kes aduan berulang diambil tindakan dan diselesaikan. **Jadual 3.8** menunjukkan tindakan yang diambil selepas siasatan aduan dijalankan pada tahun 2020.


| Tindakan | Bilangan |
|---|----------|
| Siasatan aduan | 735 |
| Proses Permohonan Pembakaran Terbuka (PT) | 4 |
| FC/Surat Arahan/Amaran PT | 577 |
| Notis Arahan (NA) | 38 |
| Kompaun (PT) | 66 |
| Penahanan Operasi | 3 |
| Kertas Siasatan | 3 |

Jadual 3.8: Tindakan ke atas Kes Aduan oleh JAS Negeri Sembilan

Tindakan Kompaun / Mahkamah

Kompaun

Susulan dari siasatan penguatkuasaan yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Jabatan telah mengeluarkan tawaran kompaun kepada premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Sepanjang tahun 2020, sejumlah 309 kompaun telah dikeluarkan dan jumlah kutipan kompaun adalah sebanyak RM 618,000.00. **Rajah 4.5** menunjukkan bilangan tawaran kompaun bagi tahun 2020 mengikut peraturan dan seksyen berkaitan.



Rajah 3.4: Bilangan Tawaran Kompaun Mengikut Peraturan dan Seksyen Kesalahan

Mahkamah

Sepanjang tahun 2020, sebanyak empat puluh dua (42) kertas siasatan telah diambil tindakan mahkamah dan dari jumlah tersebut, sejumlah 27 kes telah selesai dan dikenakan hukuman denda di mahkamah. Jumlah keseluruhan hukuman denda yang dikenakan adalah sebanyak RM 570,000.00. **Rajah 4.6** menunjukkan bilangan kertas siasatan yang telah dibuka mengikut Seksyen dan Peraturan kesalahan bagi tahun 2020.



Rajah 3.5: Bilangan Kertas Siasatan yang Dibuka Mengikut Seksyen & Peraturan Kesalahan



**KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR**
Ministry of Environment and Water



PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

- *Ceramah dan Pameran Alam Sekitar*
- *Sambutan Hari Bumi*
- *Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia*
- *Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia*
- *Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)*
- *Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN)*

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

Objektif Pelaksanaan Program Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar

Unit Pendidikan dan Kesedaran, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menganjurkan pelbagai program pendidikan dan kesedaran sepanjang tahun 2020 yang melibatkan ahli Rakan Alam Sekitar, guru-guru, pelajar sekolah dan orang awam serta komuniti. Tahun 2020 merupakan tahun berlakunya jangkitan wabak Covid-19. Malaysia adalah Negara yang terlibat sama dengan penularan wabak tersebut dan masih lagi dalam tempoh wabak Covid-19. Pelaksanaan program Jabatan tetap diteruskan dengan pematuhan SOP yang diperketatkan serta secara alam maya.

Ceramah dan Pameran Alam Sekitar

Pada permulaan tahun 2020, JAS Negeri Sembilan seperti kebiasaannya mengadakan ceramah secara fizikal kepada setiap kumpulan sasaran. Walaubagaimanapun, semenjak negara kita dilanda pandemik Covid-19, JAS Negeri Sembilan menumpukan sesi ceramah secara atas talian atau melalui alam maya. **Gambar 4.1** menunjukkan antara aktiviti ceramah dan pameran alam sekitar yang telah diadakan sepanjang tahun 2020.



Gambar 4.1: Antara Aktiviti Ceramah dan Pameran Alam Sekitar yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2020

Sambutan Hari Bumi

Hari Bumi disambut di seluruh dunia pada 22 April bermula pada tahun 1970. Sambutan Hari Bumi 2020 Peringkat Negeri Sembilan tidak dapat diteruskan dan terpaksa dibatalkan susulan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara bermula 18 Mac 2021. Sebarang aktiviti yang melibatkan perhimpunan awam tidak dapat dilaksanakan.

Mesyuarat penyelarasan telah dilaksanakan pada 12 Mac 2020 bertempat di Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek. Pelbagai aktiviti yang telah dirancang seperti gotong royong, penanaman pokok, pertandingan video kreatif, pertandingan pertunjukan fesyen daripada bahan kitar semula, pertandingan Debat Pendita Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan serta pameran tidak dapat dilaksanakan. **Gambar 4.2** menunjukkan mesyuarat penyelarasan yang telah diadakan.



Gambar 4.2: Gambar Sekitar Mesyuarat Penyelarasan Sempena Program Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sembilan

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia

Penganjuran Hari Alam Sekitar Sedunia 2020 (WED) Peringkat Negeri Sembilan telah diadakan mengikut norma baharu seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Berikutan isu penularan pandemik Covid-19, gerak kerja sambutan di seluruh dunia menyarankan agar aktiviti berkumpul dan perhimpunan awam perlu dielakkan bagi menyokong usaha memutuskan jaringan penularan penyakit tersebut.

Memandangkan negara masih dalam tempoh menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020, WED yang biasanya disambut pada 5 Jun setiap tahun, tahun 2020 julung kalinya dilaksanakan melalui platform dalam talian. Tema sambutan pada tahun 2020 adalah **“Time to Nature”** atau **“Waktunya Untuk Alam.**

Perasmian oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan berbesar hati merasmikan sambutan di Peringkat Negeri Sembilan. Satu majlis ringkas telah diadakan di Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan pada 5 Jun 2021. Turut hadir sama ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, YB Dato' Razali bin Ab Malik dan Datuk Majlis Bandaraya Seremban, Y.Bhg. Dato' Haji Zazali Bin Salehudin.

Pelancaran oleh YB Exco Alam Sekitar Negeri Sembilan

Aktiviti lain yang dilaksanakan pada sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia peringkat Negeri Sembilan adalah gimik pelancaran sambutan iaitu simbolik penyerahan anak pokok kepada YB Tuan Veerapan a/l Superamiam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan bertempat di Wisma Negeri pada 4 Jun 2020.



Gambar 4.3: Gambar Sekitar Gimik Perasmian Hari Alam Sekitar Sedunia 2020 Peringkat Negeri Sembilan

Gambar 4.4: Gambar Sekitar Gimik Pelancaran Hari Alam Sekitar Sedunia 2020 Peringkat Negeri Sembilan

Pelbagai aktiviti juga telah dilaksanakan sempena sambutan WED pada tahun ini. Antaranya adalah aktiviti kempen tanam pokok dalam kalangan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dan juga Rakan Industri di Negeri Sembilan.

Selain itu juga, JAS Negeri Sembilan dengan kerjasama radio Negeri FM telah mengadakan wawancara radio serta kuiz alam sekitar di radio.

Wawancara tersebut telah diadakan pada 10 Jun 2020 dan disampaikan oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah JAS Negeri Sembilan. Kuiz alam sekitar pula telah diadakan bermula dari 10 hingga 14 Jun 2020.



Gambar 4.5: Gambar Sekitar Aktiviti WED 2020

Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia

Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia Peringkat Negeri Sembilan diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan melindungi lapisan ozon yang melindungi bumi dari bahan berbahaya yang berpunca dari sinar matahari. Majlis sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia Peringkat Negeri Sembilan dan Kempen Perlindungan Lapisan Ozon dan Kempen Pengumpulan *Household E-Waste* telah diadakan pada 18 September 2020 di Dewan Perdana Tampin. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan. Bilangan kehadiran adalah seramai 350 orang iaitu terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta, wakil Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Rakan Strategik JAS Negeri Sembilan dan NGO.



**Gambar 4.6: Gambar Sekitar Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia
2020 Peringkat Negeri Sembilan**

Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)

SLAAS Sesi 2020/2021 Peringkat Negeri Sembilan

Tahun 2020 merupakan tahun promosi untuk penyertaan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS). Fokus utama program ini adalah memupuk budaya kebersamaan serta meningkatkan komunikasi yang lebih berkesan dalam kalangan pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah bagi meningkatkan bilangan penyertaan sekolah dalam SLAAS. Selain itu, SLAAS juga bertujuan memberikan pendedahan mengenai pembentukan persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan.

Objektif program Sekolah Lestari adalah seperti berikut:-

- Membudayakan pendidikan alam sekitar dengan penerapan nilai murni alam sekitar dari aspek pengurusan, kurikulum, ko-kurikulum dan penghijauan berterusan untuk mewujudkan amalan hidup yang sejajar dengan konsep pembangunan lestari;
- Menyediakan suasana yang kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang berkeperibadian diri yang unggul;
- Menggalakkan jalinan pemuafakatan antara semua lapisan warga sekolah bersama Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), agensi kerajaan, agensi swasta, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti setempat;
- Memberi guru ruang untuk menggunakan stesen-stesen alam sekitar secara maksimum sebagai proses pengajaran dan pembelajaran;
- Memberi galakan kepada warga sekolah untuk melaksanakan aktiviti mesra alam dan aktiviti penjimatan sumber; dan
- Memberi galakan kepada warga sekolah untuk melaksanakan aktiviti mesra alam dan aktiviti penjimatan sumber.

Terdapat dua puluh dua (22) buah sekolah yang telah mendaftar penyertaan bagi pertandingan SLAAS Sesi 2020/2021 Peringkat Negeri Sembilan seperti dalam **Jadual 4.1** di bawah:

| Bil | Nama Sekolah | Daerah |
|------------|--------------------------------|---------------|
| 1 | SMK (Felda) Pasoh 2 | Jempol |
| 2 | SK (Felda) Lui Selatan | Jempol |
| 3 | SK (Felda) Palong 14 | Jempol |
| 4 | SK (Felda) Lui Muda | Jempol |
| 5 | SK (Felda) Sg. Lui | Jempol |
| 6 | SK Batu Kikir | Jempol |
| 7 | SMK Undang Jelebu | Jelebu |
| 8 | SK Datuk Undang Abdullah | Jelebu |
| 9 | SMKA Sheikh Mohamad Said | Seremban |
| 10 | SMK Dato Klana Putra, Lenggeng | Seremban |
| 11 | SMK Tengku Ampuan Najihah | Seremban |
| 12 | SMK Tunku Kursiah | Kuala Pilah |
| 13 | SMK Datuk Undang Abdul Manaf | Kuala Pilah |
| 14 | SK Sungai Dua | Kuala Pilah |
| 15 | SK Senibai | Kuala Pilah |
| 16 | SK Dangi | Kuala Pilah |
| 17 | SK Tengkek | Kuala Pilah |
| 18 | SMK Undang Rembau | Rembau |
| 19 | SMK Gemas | Tampin |
| 20 | SMK Pasir Besar | Tampin |
| 21 | SK (Felda) Pasir Besar | Tampin |
| 22 | SJKT Tampin | Tampin |
| 23 | SJKT Repah | Tampin |

Jadual 4.1: Sekolah yang Telah Mendaftar Penyertaan SLAAS Sesi 2020/2021

Program Penanda Aras SLAAS

Program penanda aras Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) telah diadakan pada 8 Oktober 2020 bertempat di Garden View Hotel, Bahau. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Pejabat Pendidikan Daerah Jempol dan Jelebu dan juga SK (Felda) Lui Selatan.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Tuan Haji Md Fiah bin Md Jamin. Program ini bertujuan untuk menarik minat dan menambah pengetahuan para pendidik mengenai kebaikan melestarikan kawasan sekolah.

Aktiviti yang diadakan semasa majlis tersebut adalah pameran dan gimik penyerahan pokok kepada sekolah-sekolah yang menyertai Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS).



Gambar 4.7: Gambar Sekitar Program Penanda Aras SLAAS

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN)

Objektif penganjuran sambutan adalah:

- i. Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas;
- ii. Memberikan penghargaan kepada mereka yang telah memberi sumbangan dan kerjasama dalam usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar;
- iii. Memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Majlis sambutan Hari Alam Sekitar Negara yang dirancang untuk disambut di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terpaksa ditangguh dan seterusnya dibatalkan pada awal Disember 2020 disebabkan pandemik Covid-19 yang semakin meningkat. Perubahan kepada perancangan program terpaksa dilakukan dengan hanya melaksanakan aktiviti berupa pertandingan-pertandingan secara atas talian.

Empat (4) pertandingan yang diteruskan ialah:



PERTANDINGAN MENULIS PUISI ALAM SEKITAR

| TEMPAT PERTAMA | TEMPAT KEDUA | TEMPAT KETIGA | SAGUhati XS |
|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|
| RM 500 + SUIJIL PENYERTAAN | RM 300 + SUIJIL PENYERTAAN | RM 150 + SUIJIL PENYERTAAN | RM 100 + SUIJIL PENYERTAAN |

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. **TEMA PUISI: ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA**
2. PUISI MESTILAH MENGGUNAKAN BAHASA MELAYU DAN PERLU MEMPUNYAI TAJUK.
3. **PENYERTAAN TERBUKA** KEPADA WARGA USIM DAN GURU SEKOLAH DI SELURUH NEGERI SEMBILAN.
4. KARYA YANG DIHANTAR MESTILAH ASLI DAN BERTEPATAN DENGAN TEMA SERTA TIDAK MENGANDUNGI UNSUR-UNSUR SENSITIF.
5. BILANGAN PENYERTAAN TERHAD KEPADA 50 PENYERTAAN AWAL.
6. SETIAP KARYA YANG DIHANTAR, BERHAK DIGUNA, DISIAR, ATAU DICETAK OLEH PIHAK PENGANJUR DI DALAM APA-APA BENTUK MEDIA. NAMUN KARYA PUISI TERSEBUT TETAP MENJADI HAK CIPTA PENULIS.
7. SEGALA KEPUTUSAN JURI ADALAH MUKTAMAD.

CARA PENGHANTARAN KARYA

1. KARYA HARUS DILENGKAPI MAKLUMAT PERIBADI SEPERTI NAMA, NO. KAD PENGENALAN, NO. TELEFON, NAMA SEKOLAH / PEJABAT DAN ALAMAT SEKOLAH / PEJABAT.
2. TARIKH TUTUP PENYERTAAN ADALAH PADA **13 NOVEMBER 2020**
3. KARYA BOLEH DIHANTAR SECARA ONLINE MELALUI EMEL: pusatkebudayaan.usim@gmail.com ATAU KE ALAMAT YANG BERIKUT: PUSAT KEBUDAYAAN USIM, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA, BANDAR BARU NILAI, 71800, NILAI, NEGERI SEMBILAN.
4. SEBARANG PERTANYAAN BOLEH HUBUNGI: PUSAT KEBUDAYAAN USIM PENERAJU *sefa* *kebudayaan*
pusatkebudayaan.usim.edu.my

PN. AROHIYAH : 012-735 7950
PN. ROZIHANI : 012-219 3110

Pusat Kebudayaan Usim | pusatkebudayaanusim | kebudayaan.usim.edu.my | kedabudayaan.com | LeadsTV

- i. Pertandingan melukis poster peringkat sekolah rendah dan menengah;
- ii. Pertandingan DIY Capan peringkat sekolah tadika;
- iii. Pertandingan menulis puisi alam sekitar peringkat IPT dan Guru; dan
- iv. Pertandingan fotografi kreatif peringkat pelajar IPT dan rakan industri.





Juara RM400
Kedua RM300
Ketiga RM200
Saguhati RM150 x 5 Pemenang

Fotografi Kreatif



Sempena
**Hari Alam Sekitar Negara
Peringkat Negeri Sembilan
Tahun 2020**

- Kategori IPT dan Guru Sekolah di Negeri Sembilan
- Kategori Rakan Industri di Negeri Sembilan

Kongsikan Gambar Kreatif Bertemakan
Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama
di **Instagram** dan Berpeluang Menangi
Wang Tunai Menarik

#fotokreatifhasn9

Syarat-Syarat Penyertaan :
• Kategori IPT dan Guru Sekolah di Negeri Sembilan
• Kategori Rakan Industri di Negeri Sembilan
• Sertakan gambar berdasarkan tema "**Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama**" dengan Caption yang menarik
• Akaun Instagram adalah "**Public**" sepanjang tempoh penyertaan dibuka
• Postkan setiap hari/tarikh disertakan dengan Tanda Pagar #fotokreatifhasn9
• Tempoh penyertaan bermula 5 Oktober hingga 5 November 2020
• Keputusan akan diumumkan di Instagram **USIMOFFICIAL** pada 20 November 2020
• Keputusan para pemenang adalah mutamad



Gambar 4.8: Gambar sekitar sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Negeri Sembilan